

NO. SOALAN : 203

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini permohonan Penang Transport Master Pelan. Bilakah ia akan diluluskan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa perkara atau kelulusan yang perlu dipatuhi dan diperolehi oleh Kerajaan Negeri sebelum pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) boleh mempertimbangkan skim kereta api (*railway scheme*) yang dikemukakan.
2. Antara kelulusan yang perlu diperolehi adalah seperti kelulusan bagi kajian impak *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA) serta kelulusan oleh Majlis Pembangunan Fizikal Negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 204

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai terperinci lokasi 600 pusat permata di seluruh negara seperti yang dinyatakan oleh Curtin Universiti bagi tujuan mempromosikan pusat-pusat ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perluasan Program PERMATA dimulakan pada tahun 2009 dengan pelaksanaan PERMATA Negara yang dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan iaitu Pusat Anak PERMATA Negara di bawah Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri, TASKA PERMATA KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), TASKA PERMATA Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan TASKA PERMATA Keluarga di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT).

Pada 1 Januari 2013, Peraturan Taman Asuhan kanak-Kanak telah dipinda menjadikan pemakaian Kurikulum PERMATA Negara diperluaskan ke semua TASKA kelolaan pihak swasta. Sehubungan itu, PERMATA Negara telah dilaksanakan oleh TASKA PERMATA Puspanita, TASKA Tempat Kerja dan TASKA swasta di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sehingga kini jumlah TASKA yang melaksanakan Program PERMATA Negara berjumlah 5156 buah TASKA dengan perincian bilangan TASKA mengikut negeri seperti berikut: Johor mempunyai 384 TASKA, Kedah (351), Kelantan (242), Melaka (145), Negeri Sembilan (251), Pahang (364), Perak (410), Perlis (71), Pulau Pinang (181), Sabah (359), Sarawak (248), Selangor (1298), Terengganu (375), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (445) dan Wilayah Persekutuan Labuan (32).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN : 205

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang memandangkan ia sudah mencapai kapasiti penuh. Berapakah anggaran kos dan bilakah ia akan dilaksanakan

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran LTAPP telah dipohon melalui Rolling Plan 3 RMKe-11 dan kos projek serta jangka mula pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.